



PROSES TAWARAN HAJI MUSIM 1447H/2026M SELESAI, LEBIH LANCAR

Rayuan haji ditutup mulai 1 Ramadhan 1447H

KUALA LUMPUR, 18 FEBRUARI 2026: Lembaga Tabung Haji (**TH**) mengumumkan proses tawaran haji musim 1447H/2026M telah berjalan dengan lebih lancar dan kuota haji yang diperuntukkan telah diisi sepenuhnya.

"**TH** telah menerima sekitar 85,000 permohonan rayuan haji bagi musim 1447H berbanding kuota tahunan sebanyak 31,600. Alhamdulillah, untuk tahun ini, dengan inisiatif penambahbaikan **TH** terutamanya peringatan agar bakal jemaah membuat persediaan, kuota haji rasmi negara telah dapat dipenuhi lebih awal," kata Tuan Haji Mustakim Mohamad, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH**.

Hasil usaha ini adalah kadar penangguhan yang jauh lebih rendah iaitu 18 peratus bagi musim 1447H berbanding 50 peratus pada tahun 1446H. Berdasarkan jumlah rayuan yang tinggi, maka permohonan rayuan musim ini akan ditutup mulai 1 Ramadhan 1447H.

Mustakim turut menjelaskan permohonan rayuan yang telah diterima sebelum tarikh ini kekal dalam pertimbangan **TH**. Sekiranya berlaku kekosongan saat akhir akibat penangguhan atau pembatalan, pengisian akan dibuat daripada senarai rayuan sedia ada berdasarkan merit dan kriteria yang ditetapkan.

"**TH** ingin mengucapkan terima kasih atas kesabaran dan kerjasama yang diberikan oleh semua bakal jemaah dan semoga semua usaha bakal jemaah ini mendapat ganjaran sebaiknya di sisi Allah SWT," tambah Mustakim.

TH akan terus menumpukan usaha bagi memastikan kelancaran operasi haji musim 1447H. Penerbangan pertama jemaah haji Malaysia dijadualkan bermula pada 18 April 2026, manakala penerbangan terakhir pada 20 Mei 2026, dengan hari Wukuf dijangka pada 26 Mei 2026.

-TAMAT-